

## 35 peratus pekerja ada kemahiran TVET menjelang 2030

Oleh Ruwaida Md Zain - Julai 23, 2022 @ 6:42pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Gambar hiasan

SHAH ALAM: Peningkatan sebanyak 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi baharu yang berkemahiran Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) disasarkan dalam sektor ekonomi menjelang 2030.

Dalam pada itu, 60 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) disasarkan memasuki aliran TVET dalam tempoh itu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim berkata, kerajaan berhasrat terus memperkasa TVET dengan menambah baik ekosistem, meningkatkan kualiti program melalui akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan badan bertaraf antarabangsa serta memperkenalkan sistem penarafan institusi TVET.

Sehubungan itu katanya, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) banyak memberi penekanan kepada aspek pembangunan bakat berkemahiran tinggi khususnya melalui bidang TVET.

"Proses memperkasakan TVET memerlukan sinergi tenaga pengajar TVET yang kompeten, berkualiti dan berwibawa untuk menjalankan tugas yang diamanahkan."

"Tenaga pengajar TVET memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan system latihan yang dilaksanakan."

"Mereka bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan kemahiran dan ilmu kepada pelajar , malah bertanggungjawab sebagai pembentuk keperibadian pelajar," katanya dalam sidang media di Majlis Konvokesyen Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan ( CIAST ) Tahun 2022, di SACC di sini hari ini.

Sejak 1998 sehingga kini , CIAST berjaya melatih 11,586 pelajar meliputi pelbagai bidang kemahiran menerusi program Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM 3) dengan Sijil Pengajar Vokasional (VTO) dan Sijil Pengajar Vokasional (VTO), Diploma Pengajar Vokasional (DPV) dan Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV).

"Ini termasuklah meningkatkan kompetensi tenaga pengajar TVET sedia ada melalui program Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula Tenaga Pengajar.

"Di peringkat antarabangsa, CIAST turut menyinar apabila dianugerahkan Gold Level Accreditation menerusi penilaian akreditasi peringkat antarabangsa yang dijalankan oleh Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) pada 29 Jun lalu," katanya.